

SOALAN NO. 43**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN SIM TONG HIM
[KOTA MELAKA]**

TARIKH : 29 MAC 2018

SOALAN :

YB Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang 'Persempadanan semula kawasan mengundi' yang telah dijalankan oleh SPR:

- (a) adakah PRU 14 akan menggunakan persempadanan kawasan mengundi baru ini ; dan
- (b) nyatakan garis panduan yang digunakan untuk persempadanan semula kawasan mengundi ini dengan detailnya.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dewan Rakyat telah meluluskan usul berkaitan dengan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu 2018 dalam sidanganya pada 28 Mac 2018.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya, pewartaan sempadan baharu bahagian-bahagian pilihan raya hanya akan dilaksanakan setelah Perintah Persempadanan diperkenan oleh Yang Di-Pertuan Agong. Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) akan menggunakan sempadan bahagian pilihan raya yang sedang berkuat kuasa pada masa pembubaran Dewan diumumkan.

Sekian, terima kasih.